

# Aktiviti Syarikat

DI SANA SINI



Zon Selatan  
13 Julai 08  
Everly Resort Hotel, Melaka



Zon Pantai Timur  
25 Julai 08  
Ridel Hotel Kota Bharu, Kelantan



Zon Utara  
16 Ogos 08  
Emerald Putri Sg Petani, Kedah



Zon Tengah  
23 Ogos 08  
Dynasty Hotel, Kuala Lumpur



# PRODUK BARU

NANO HB PCO

STOKING



Dipatenkan di Jepun  
(2009290, 2585946 dan 2963657)  
dan AS (6004667)



- Stoking pertama di pasaran yang membunuh kuman, bakteria dan kulat
- Menghapuskan bau
- Mencegah/merawat kaki berkulat air
- Mencegah/merawat kegatalan pada kaki
- Boleh dipakai selama 3-7 hari tanpa perlu dibasuh
- Kualiti sama seperti stoking berjenama

## Apa itu PCO ~

PCO ialah photo catalytic oxidation dan ia merupakan teknologi tercanggih untuk menghapus bakteria dan virus.

Photo Catalytic Oxidation menggabungkan penggunaan foto, tenaga dalam jumlah kecil yang mengeluarkan cahaya atau tenaga cahaya, kemudian digabungkan dengan photocatalyst (foto katalis) serta titanium dioxide (titanium dioksida), untuk menghapuskan kotoran berterbangan di udara seperti bakteria, virus, cendawan, benih kuman atau spora, kulat, alergen dan gas.

# LAURICA

Kaya dengan asid laurik  
100% ekstrak tumbuhan

LAURICA - formulasi asid laurik istimewa untuk cucian yang lebih bersih, lebih menyegarkan

Bahan utama untuk LAURICA ialah asid laurik. Asid laurik apabila dirumuskan khas dengan lain-lain ekstrak tumbuhan asli seperti dalam LAURICA, akan menenangkan, melembap dan menyegarkan badan dengan menghapuskan bau badan, membunuh bakteria dan menyuburkan kulit

LAURICA Shower Milk  
Menenangkan & Menyegarkan

Shower Milk (Busa Mandian) ini adalah pengadunan eksklusif 100% ekstrak tumbuhan dan asid Laurik (antiseptik asli dan deodoran) yang menenangkan, melembap dan menyegarkan badan dengan menghilangkan bau badan.

Ia menghasilkan busa yang kaya bak krim untuk pembersihan liang-liang pori dan mencuci dengan sempurna. Kulit anda menjadi lebih lembut dan kelihatan berseri.

Arahan: Sapu pada badan yang basah hingga berbuih dan bilas.

LAURICA Hand Clean  
Bersih & Harum

Pembersih tangan ini adalah pengadunan eksklusif 100% ekstrak tumbuhan dan asid Laurik (antiseptik asli dan deodoran) yang mencuci dan membersihkan tangan anda daripada kotoran, gris dan bau yang kurang menyenangkan dengan menghilangkannya secara mudah dan berkesan. Segar dan harum, tangan anda menjadi lembut, gebu dan bebas daripada kuman.

Arahan: Guna pada tapak tangan yang basah hingga berbuih dan bilas. Untuk kegunaan luaran sahaja.



## PERHATIAN!!!

Leaders dan Pengedar yang ingin membuat promosi/publisiti dan mengguna logo Health Builders (M) Sdn Bhd perlulah terlebih dahulu memohon kebenaran dari pihak Syarikat. Ini termasuk poster, testimoni, artikel untuk laman web dan sebarang bentuk komunikasi.



HEALTH BUILDERS (M) SDN BHD

6-2 & 6-3, Block A, Jalan 2/114, Kuchai Business Centre,  
Jalan Kuchai Lama, 58200 Kuala Lumpur, Malaysia.  
Tel : 03-984 7044 Faks : 03-984 6850 Emel : hbsb@streamyx.com

# INFORMATIVE

HEALTH BUILDERS

Risalah bulanan terkini

September 2008

# ULANGTAHUN KE-10

## HEALTH BUILDERS (M) SDN BHD



Grand Ballroom, Summit Hotel, Subang Jaya.  
2.30 ptg, 23 Nov 08 (Ahad)

- Jamuan Hi-Tea
- Persembahan Istimewa
- Lawak Jenaka/Artis Jemputan
- Cabutan Bertuah
- Kuiz
- Produk Baru

# Pasti Gamat Pesti Hebat

Health Builders (M) Sdn Bhd, satu nama yang gag di dalam industri MLM, akan meraikan hari ulangtahunnya yang ke-10. Satu majlis istimewa akan diadakan di Grand Ballroom, Summit Hotel, Subang Jaya pada hari Ahad, 23 November 2008.

Majlis dijangka akan turut disertai oleh Yang Berhormat Mulia, Tengku Laksamana Kelantan merangkap Pengerusi Health Builders (M) Sdn Bhd, Tengku Abdul Halim Al-Haj Ibtisam Sultan Ibrahim dan Tengku Puan Laksamana Kelantan, Yang Amat Mulia Dato' Seri DiRaja Sharifah Azwan Putra Jamallulail.

Pelbagai acara menarik telah diatur oleh Jawatankuasa Sambutan Khas untuk memeriahkan lagi majlis tersebut. Selain penganugerahan dan pengiktirafan pin kepada 6 dan 5-Star Manager baru, majlis juga akan dipenuhi dengan persembahan yang menghiburkan.

bersambung di dalam...

## TABUNG KEBAJIKAN K.I.T.A.

### Cahaya Bulan Ramadan

Pada 30 Ogos yang lalu, sempena mengambil berkat daripada bulan Ramadan yang mulia, satu majlis ringkas penyerahan kutipan wang daripada Tabung Kebajikan K.I.T.A. dan sumbangan berbentuk barangan makanan telah diadakan di kediaman Puan Darulhasanah binti Alias di Kampung Pagar Sasak Kechau, Kuala Lipis, Pahang.

Majlis disempurnakan oleh Yang Mulia Tengku Ariez Hazril bin Tengku Abdul Halim, Pengarah Eksekutif Health Builders (M) Sdn Bhd.

Sejumlah RM750 telah berjaya dikutip sepanjang Tabung diletakkan di Kaunter HQ bermula pertengahan bulan Jun. Syarikat Health Builders (M) Sdn Bhd juga telah menghulur sebanyak RM1,000 dan RM1,000 lagi adalah sumbangan peribadi seorang hamba Allah.

Selamat Menjalani Ibadah Puasa bersambung di dalam...





... dari muka depan



# Persembahan Menarik...



Seramai 500 tetamu dijangka hadir. Keluarga pertama penerima sumbangan daripada Tabung K.I.T.A. Health Builders, Puan Darulhasanah binti Alias, juga akan hadir sebagai jemputan khas.

Tetamu berpeluang menikmati Jamuan Hi-Tea yang menyajikan pelbagai hidangan dan masakan ala Melayu.

Persembahan nyanyian dan tarian yang memukau akan menyerikan lagi majlis. Majlis akan bermula pada pukul 2.30 petang dan berakhir pada kira-kira pukul 6.00 petang.

Dewan juga akan digamatkan dengan jenaka pelawak terkenal tanahair. Dengan gaya tersendiri, artis tersebut akan mencuit hati para hadirin dengan lawaknya yang bersahaja. Tetamu pasti tidak akan kering gusi dengan lawaknya yang akan memecah perut semua di dalam dewan.

Cabutan Bertuah turut diadakan. Banyak hadiah menarik disediakan. Sesi kuiz akan menyemarakkan lagi majlis. Banyak hadiah berupa produk Syarikat akan diberi kepada mereka yang dapat menjawab soalan-soalan mudah.

Jom, beramai-ramai penukarkan Grand Ballroom Summit Hotel pada 23 November 08. Macam-macam ada. Makan, minum, persembahan, lawak jenaka, cabutan bertuah, sesi kuiz dan banyak lagi. Semua untuk kita warga Health Builders.

**Apuh! PASTIKAN, TARIKHNYA. KITA SERBU DEWAN TERSEBUT Jumpa di sana!!!**

... dari muka depan

Terdahulu, ketibaan staf Health Builders telah disambut mesra oleh lima (5) ahli keluarga Puan Darulhasanah. Rombongan kemudiannya dijamu dengan pelbagai jenis buah-buahan dan minuman.

Keadaan ini adalah satu perubahan positif, berbeza dengan apa yang dialami wakil INFOTiF semasa pertama kali berkunjung ke sini pada awal Jun lalu. Cerita mengenai keperitan dan kesengsaraan ibu tunggal bersama enam (6) anaknya telah dipaparkan dalam INFOTiF keluaran bulan Jun 2008.

Ketika menerima kutipan wang dan sumbangan, Puan Darulhasanah telah berkali-kali melahirkan ucapan 'Terima Kasih' khasnya kepada Yang Mulia Tengku dan Syarikat Health Builders atas keprihatinan terhadap keluarganya.

INFOTiF berharap dengan sumbangan ini ia akan memberi suatu cahaya harapan kepada keluarga ini untuk terus menjalani kehidupan yang lebih baik, InsyAllah.



## Terima Kasih Health Builders!



### Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,



Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menjalani ibadah puasa kepada semua Ahli Keluarga Health Builders yang beragama Islam. Perjumpaan mingguan di Ibu Pejabat Korporat/HQ ditangguhkan sepanjang Ramadan dan akan diteruskan semula pada hari Selasa pertama selepas Hari Raya Aidilfitri.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada mereka yang telah sudi menghulurkan sumbangan kepada Tabung Kebajikan K.I.T.A. Sesungguhnya tangan yang memberi itu adalah lebih baik daripada tangan yang menerima. Selain itu, pihak Syarikat juga memperkenalkan 3 produk baru yang hebat iaitu PCO Stoking, LAURICA Shower Milk dan LAURICA Hand Clean. Maklumat lanjut mengenai produk-produk ini boleh didapati daripada Laman Web Syarikat. Efektif dan berpatutan, produk terbaru ini akan menarik minat dan sekaligus dapat membantu anda untuk terus memperkembangkan rangkaian perniagaan anda bersama kami.

Dengan ini, saya mewakili staf Health Builders mengucapkan selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri serta Maaf Zahir & Batin.

"Bersama Mencipta Kecemerlangan"

Nik



- ABDUL WADUD KHAN BIN ABDUL GHAFUR KHAN
- ABDUL JALIL BIN MOHD SAID
- ABDUL RASHID BIN HASSAN
- ABDUL RONI BIN ISMAIL
- AMIR BIN HAMZAH
- AWANG BINTING PENGIRAN MAT SALLEH
- AZIMAH BINTI ALIAS
- BADRY SHAH BIN YATIM
- EZMA FATIN BINTI MOHAMAD AL-KHIRI SOFRI
- JAMALLUDIN BIN BIDIN
- JAMALUDIN BIN ABU BAKAR@MAHMUD
- JULAIHA BINTI HAJI TAHAT
- LEONG CHIA YEE
- LOKMAN BIN ABDUL
- MARIYATI BINTI HASAN
- MAT JUSOH BIN AWANG
- MD SHAIDI MD NOH
- MD ZAKI BIN NORDIN
- MOHAMAD BIN ABD RAOF
- MOHAMAD KAWAID NGADIMIN
- MOHD ALKHIRI SOFRI BIN ABDUL HAMID
- MOHD RAHIMI BIN MOHD NOOR
- MUHAMAD RASHID BIN ASRI
- MOHD YUSOFF BIN ISHAK@HASSAN
- MUHAMMAD NAWAWI BIN MOHD RADZI
- MUIZUDDIN BIN ZAKARRIA
- NAGOOR BIN MUSAFAR
- NOR FAEZAH BT SULAIMAN
- RAZALI BIN ISMAIL
- SHARIFAH BINTI ARSHAD
- TAJUDIN BIN HAJI SUPAAT
- WONG KWOK WAH
- YAHYA BIN KAMARUDIN
- ZULKIFLY BIN YAACOB



- A. ABDUL RAHIM BIN AHAMED
- ABDULLAH BIN DRAMAN
- AHMAD BIN HAMID
- AKMAHARIS BIN KASIM
- AMIR BIN HAMZAH
- DOLMAT BIN MD SAID
- EDRECCA ENTERPRISE
- ERNIE DIANA BINTI BAHARI
- FAUZIAH BINTI MUSA
- HABIBAH BT MOHD YUSOFF
- JAAFRI BIN NANYAN
- KAMARUZAMAN BIN MOHD RAZALI
- KASPULLIDZAN BIN AL-AUZAR BOESRI
- KHALIJAH BINTI HASHIM
- LEONG CHIA YEE
- LIEW SIK BOON
- MD YASIN BIN BADRI
- MOHAMAD KOMARUDDIN BIN AHMAD
- MOHD AMIR BIN SAWAT
- MOHD NASER@AMIR ABDULLAH
- MOHD NOOR BIN ABD MANAP
- MOHD ZAHIR BIN MANSOR
- MD ZAKI BIN NORDIN
- NIK AZMAN BIN NIK ABDULLAH
- OTHMAN BIN YAHYA
- RADZI BIN ISMAIL
- ROSLINAH BINTI YAKUB
- SETI ZAWIYAH BINTI ISHAK
- SHAMSAIMON BIN GHAZALI
- SUHAINI BT RAMELI
- TOHID BIN OTHMAN
- WMK RESOURCES
- ZULKARNAINI BIN GHAZALI